



Kata Berimbuhan Awalan

Tok Batin yang Dihormati




Saidin bin Bujang ialah tok batin. Beliau **menjadi** tok batin di sebuah kampung di negeri Selangor.

Beliau akan **berjalan** di sekitar kampung setiap hari. Beliau akan **bual-bual** dengan penduduk kampung. Tok batin akan **cari** jalan untuk menyelesaikan masalah di kampung itu.

Seterusnya, beliau memastikan penduduk kampung menghantar anak mereka ke sekolah. Jadi, penduduk di kampung itu **dapat** pendidikan yang sempurna.

Jika anak buahnya sakit, tok batin akan pergi ke rumah mereka. Beliau



akan **tanya** tentang khabar mereka. Jadi, hubungan mereka sangat mesra.

Saidin suka akan tugasnya sebagai tok batin. Beliau **janji** akan **bantu** anak buahnya hingga berjaya.



Aktiviti

Menggunakan kata berimbuhan awalan mengikut contoh.

Info Bahasa

Imbuhan awalan ialah imbuhan yang diletakkan pada awal perkataan. Contoh: *me-*, *mem-*, *men-*, *meng-*, *menge-* dan *ber-*.